

ALOR SETAR, Isnin. — Dr. Mahathir Mohamed yang memenangi kerusi Parlimen Kawasan Kubang Pasu tanpa bertanding berkata hari ini, peluang adalah baik bagi Barisan Nasional berjaya besar di Kedah dalam pilihanraya akan datang.

Katanya, peluang ini adalah berdasarkan kejayaan Kerajaan Campuran di masa-masa lalu dalam semua bidang.

Di bidang politik antarabangsa, Malaysia dianggap mempunyai pandangan yang bijak terhadap soal-soal luar negeri seperti mengadakan hubungan dengan negara-negara dari semua blok dan juga dunia Islam, kata beliau.

Faedah

Beliau mengambah golongan pembangkang yang ada sekarang sudah tidak bertujuan lagi berikutan dengan keputusan parti-parti besar pembangkang yang dulu menentang tetapi sekarang menyertai Kerajaan.

"Jadi pembangkang yang ada sekarang adalah semata-mata hendak menjadi pembang-

BARISAN PUNYAI HARAPAN BH 13 OGO 1974 DI KEDAH

kang sahaja. Sikap ini tidak akan mendatangkan sebarang faedah kepada rakyat."

Menurut Dr. Mahathir lagi, parti-parti pembangkang sekarang mendapati sukar sekali hendak mengancam Kerajaan Campuran yang banyak menempa kejayaan.

Ada tak ada mereka hanya boleh mengancam secara membusukkan diri-diri perseorangan dan cara ini tidak mudah dapat mempengaruhi para pengundi.

Kali ini, calon-calon Barisan Nasional mewakili segenap golongan,

muka baru dan muka lama, pemimpin-pemimpin lama dan cerdik-pandai.

"Ini adalah satu himpunan calon-calon yang sepatutnya menawan hati para pengundi," kata Dr. Mahathir.

Sementara itu, CCPD Jitra, Encik Mohamed Ghazali bin Haji Ismail menyatakan, polis tidak mengeluarkan kebenaran untuk rapat umum Barisan Nasional di Batu 6, Jalan Kodlang-Air Itam, dekat sini, hari Jumaat lalu kerana borang permohonan tidak mematuhi undang-undang.